



**Memacu
Kebangkitan
Ekonomi Umat
Islam**



Suara dunia Islam cuba diwakili oleh Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), organisasi antarabangsa yang mempunyai delegasi tetap dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. OIC berperanan menjaga kepentingan dan memastikan kemajuan dan kebajikan umat Islam. Sehingga kini, 57 buah negara menganggotai pertubuhan itu, termasuk Malaysia dan Indonesia.

Dari segi pembangunan ekonomi, menurut Huzaimie Hamid, kedudukan umat Islam sekarang teruk. Hal itu dikatakan demikian kerana jika digunakan ukuran tingkat pembangunan ekonomi, iaitu pendapatan per kapita, pendapatan negara kasar per kapita dalam dolar Amerika Syarikat semasa bagi negara Islam ialah satu per lima daripada purata dunia dan hanya empat peratus daripada pendapatan per kapita negara berpendapatan tinggi. Walaupun kaya dengan hasil mahsul dan telah mencapai kemerdekaan daripada penjajah, negara Islam terus menjadi "negara dunia ketiga yang berasingan lagi berbeza".

Sejumlah 21 buah negara Islam yang ekonominya berasaskan pertanian (sekurang-kurangnya 50 peratus daripada guna tenaga terlibat dalam pertanian). Kebanyakannya di Afrika dan beberapa buah negara di selatan dan Asia Tenggara, Eurasia dan Timur Tengah. Pendapatan per kapita negara pertanian itu sekitar \$1272. Sebanyak 22 buah negara Islam pengeluar minyak. Pendapatan per kapita negara itu lebih tinggi (\$5233) berbanding dengan negara bukan pengeluar minyak (\$2108). Ada juga negara pertanian yang juga pengeluar minyak, tetapi dikategorikan sebagai negara yang agak miskin. Hanya Malaysia dan Turki mempunyai ekonomi yang berasaskan industri.

Walaupun Islam menganjurkan umatnya agar berusaha meningkatkan ekonomi negara, kebanyakan negara

Statistik Bank Dunia menunjukkan bahawa 70 hingga 80 peratus penduduk Islam dunia hanya berpendapatan kurang daripada AS\$2 sehari dan hanya tujuh daripada 57 buah negara OIC berada dalam kategori negara berpendapatan tinggi.

Islam masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara lain. Kebanyakan negara OIC dianugerahi kekayaan sumber asli dan bahan mentah. Statistik menunjukkan bahawa 70 peratus daripada sumber tenaga dunia terletak di negara OIC. Sejumlah 40 peratus daripada sumber bahan mentah dunia terdapat di negara OIC.

Namun demikian, pembangunan ekonomi di negara OIC agak perlahan. Statistik Bank Dunia menunjukkan bahawa 70 hingga 80 peratus penduduk Islam dunia hanya berpendapatan kurang daripada AS\$2 sehari dan hanya tujuh daripada 57 buah negara OIC berada dalam kategori negara berpendapatan tinggi. Sejumlah 30 peratus daripada 160 juta rakyat di negara mundur ialah penduduk Islam yang masih hidup dalam kemiskinan.

Ada beberapa faktor yang dikenal pasti sebagai sebab ekonomi umat Islam tercicir berbanding dengan ekonomi negara maju. Yang pertama, umat Islam tidak berpegang pada al-Quran dan sunah sebagai panduan hidup sedangkan Nabi Muhammad telah bersabda yang bermaksud, "Aku

tinggalkan dua perkara bagimu: jika kamu berpegang teguh pada keduanya, kamu tidak akan tersesat selama-lamanya, iaitu kitab Allah dan sunah Rasul." Al-Quran dan sunah ialah sumber lengkap sebagai pedoman hidup umat Islam kerana telah digariskan panduan untuk menjalani kehidupan sebagai umat yang beriman dan cemerlang daripada hal akidah sehingga hal urusan muamalat dan pentadbiran negara.

Yang kedua, umat Islam tidak bersatu sedangkan Allah telah mengingatkan mereka tentang kepentingan bersatu.

Yang ketiga, umat Islam tidak berdikari dalam bidang ekonomi atau tidak menguasai bidang tersebut. Oleh itu, ekonomi dikuasai golongan bukan Islam. Dengan kekal sebagai masyarakat pengguna dan bukan masyarakat pengeluar, agak sukar untuk umat Islam mendominasi ekonomi negara sendiri. Hal itu amat menyedihkan kerana majoriti golongan miskin dan berpendapatan rendah di kebanyakan negara (bukan pengeluar minyak dunia) orang Islam. Yang lebih memburukkan keadaan apabila terdapat pemimpin yang tidak amanah.

Yang keempat, umat Islam mundur dari segi pengetahuan sains dan

Oleh itu, umat Islam perlu melakukan perubahan bukan sahaja dari segi sistem pentadbiran negara, tetapi turut meliputi kerohanian, termasuk sikap, akhlak, mentaliti dan nilai hidup.

teknologi. Walaupun dituntut untuk menuntut ilmu dalam ayat pertama yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad, negara Islam masih terkebelakang dalam pembangunan teknologi sedangkan bidang sains mula-mula dipelopori orang Islam, seperti Ibnu Sina dan al-Khawarizmi. Banyak orang Islam yang leka dan memberikan tumpuan terhadap hal yang tidak mendatangkan manfaat, walaupun Rasulullah menganjurkan supaya meninggalkan perkara yang tidak berguna, seperti sabda baginda (riwayat Muslim) yang bermaksud, "Gemarlah kepada hal yang berguna bagimu."

Oleh itu, umat Islam perlu melakukan perubahan bukan sahaja dari segi sistem pentadbiran negara, tetapi turut meliputi kerohanian, termasuk sikap, akhlak, mentaliti dan nilai hidup. Menurut M. Abdul Mannan, asas pembangunan Islam meliputi pelbagai dimensi, termasuk moral, sosial, politik dan ekonomi. Pembangunan moral dan spritual dijalinan sekali dengan pembangunan ekonomi Islam sejak awal. Maka kefahaman masyarakat Islam tentang konsep "bekerja", contohnya, bukan hanya untuk mencari rezeki semata-mata, tetapi menggunakan sumber kepunyaan Allah dengan cekap sebagai ibadah bagi mendapatkan keredaan-Nya.

Walau bagaimanapun, agak sukar untuk mencapai matlamat pembangunan negara dalam masa yang singkat. Usaha yang berterusan bagi meningkatkan pendapatan umat Islam dan merapatkan jurang pendapatan antara golongan kaya dengan miskin perlu ditingkatkan. Maka penekanan terhadap pendidikan dan penguasaan kemahiran teknologi seharusnya dijadikan antara objektif utama negara Islam kerana modal insan yang berpengetahuan tinggi merupakan aset penting sesebuah negara. Melalui pendidikan, taraf hidup seseorang individu akan berubah ke tahap yang lebih tinggi. Akses kepada pendidikan disediakan kepada semua orang dengan memberikan penekanan terhadap golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Perancangan ekonomi amat penting untuk membantu pencapaian pengagihan pendapatan dan kekayaan yang lebih seimbang. Negara Islam mempunyai kelebihan kerana mempunyai institusi perbankan dan kewangan yang kini terbukti cekap dalam mengurus ekonomi masyarakat dan negara. Instrumen tabungan awam Islam, seperti zakat, mal dan wakaf, dijadikan penggerak ekonomi negara dalam mencapai objektif pengagihan pendapatan yang sama rata dalam kalangan umatnya. **DE**

CIRI EKONOMI ISLAM

Surtahman Kastin Hasan menggariskan ciri ekonomi Islam yang berikut:

1. Ekonomi yang berasaskan ajaran al-Quran dan sunah. Oleh itu, ekonomi Islam ialah ekonomi Ilahi (ketuhanan) dari segi prinsipnya.
2. Ekonomi Islam merupakan sebahagian daripada keseluruhan sistem kehidupan yang lengkap dan mampu menyelesaikan masalah keperluan kehidupan manusia.
3. Kepentingan individu dan masyarakat dalam ekonomi Islam akan sentiasa diseimbangkan.
4. Ekonomi Islam bukan hanya bercorak kebendaan, tetapi juga kerohanian. Hal itu bermaksud bahawa kegiatan ekonomi tidak memisahkan kebendaan daripada kerohanian. Manusia mempunyai hubungan sesama manusia dan hubungan dengan Allah.
5. Ekonomi Islam sesuai sepanjang zaman kerana sifatnya yang tetap (prinsipnya yang teguh) dan dinamik (mempunyai kaedah penggunaan yang berbeza dan sesuai dengan keadaan).